

Headline	Cabaran untuk Tabung Haji		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	218,251
Page No	52	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,551
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,654



Cabaran untuk Tabung Haji

Berdepan kekangan untuk ulangi pembayaran bonus yang baik kepada pendeposit

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji menjangkakan 2015 sebagai tahun mencabar untuk mengulangi pembayaran bonus tahun lepas sebanyak 6.25 peratus dan bonus tambahan dua peratus kepada pendeposit.

Timbalan Pengarah Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Johan Abdullah berkata, banyak faktor yang menyumbang kepada persekitaran serba mencabar itu.

Antaranya ialah bencana banjir pada akhir tahun lepas, penyusutan nilai ringgit dan penurunan harga minyak mentah.

"Ia masih terlalu awal untuk memaklumkan (anggaran bonus pendeposit)

pada masa sekarang. Jika anda maklum dengan unjuran pasaran, (keadaan) perniagaan sememangnya mencabar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan zakat perniagaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di sini semalam.

Tahun lepas, Tabung Haji membuat pembayaran bonus sebanyak RM3.2 bilion kepada 8.6 juta pendeposit, meningkat 23 peratus berbanding 2013.

Jumlah pendapatannya bagi tahun lepas ialah RM3.29 bilion, merosot sedikit berbanding RM3.73 bilion yang diraih pada tahun 2013.

Sementara itu, pemba-

yanan zakat perniagaan Tabung Haji kepada MAIK meningkat kepada RM4.04 juta tahun ini berbanding RM3.87 juta tahun lepas berikutan prestasi keseluruhan Tabung Haji yang lebih baik.

Tambah Johan, Tabung Haji akan meneruskan tumpuannya terhadap teras perniagaan tempatan seperti perbankan Islam, perladangan dan hartanah.

Pada masa sama, Tabung Haji akan terus kekal aktif sebagai pelabur jangka panjang di pasaran saham tempatan dengan melabur dalam saham terpilih yang berkualiti.



JOHAN (dua dari kanan) menyerahkan replika cek zakat perniagaan kepada Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Fa-iz Petra (tengah) di Kuala Lumpur semalam.